



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN TINGKAH
LAKU AGRESIF PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SEBUAH
SEKOLAH DAERAH MUALLIM

UMI AIDA BINTI MUSA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIRINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGESAHAN

Projek Tahun Akhir ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat kursus KKR3996, kertas projek bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pengesahan Penyelia Projek Tahun Akhir



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

(Tarikh: / /2023)

Pengesahan Penyelaras Projek Tahun Akhir

(Dr. Mazita Binti Ahmad)

(Tarikh: / /2023)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa segala karya yang terkandung di dalam adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah diperjelaskan sumbernya.

Tandatangan:

Nama: Umi Aida Binti Musa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

No. Matrik: D20181081703

Tarikh: (/ /2023)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN PROJEK TAHUN AKHIR

Perakuan ini telah dibuat pada ____ (hari bulan)(bulan) 2023.

i. Perakuan Pelajar:

Saya, UMI AIDA BINTI MUSA, D20181081703 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN TINGKAH AGRESIF PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SEBUAH SEKOLAH DAERAH MUALLIM adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan menggunakan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar : :

Tarikh :

Nama pelajar : UMI AIDA BINTI MUSA

ii. Perakuan Penyelia

Saya, ENCIK ZULKIFLI BIN MAMAT (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN TINGKAH LAKU AGRESIF PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SEBUAH SEKOLAH DAERAH MUALLIM dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dengan Kepujian.

Tandatangan penyelia :

Tarikh :

Nama penyelia : ENCIK ZULKIFLI BIN MAMAT





PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya untuk tugas tahun akhir ini iaitu Encik Zulkifli Bin Mamat kerana beliau sentiasa mencari ruang dan waktu untuk saya berbincang berkaitan tajuk yang telah saya pilih dan sentiasa membimbang dan mengajar saya sehingga saya dapat menyiapkan projek tahun akhir ini. Saya juga tidak akan melupakan jasa penyelaras projek tahun akhir saya iaitu Dr Mazita binti Ahmad atas kerahan dan kata-kata semangat beliau yang sering mengingatkan saya untuk terus menyelesaikan tugas ini walaupun dalam keadaan yang sangat sibuk. Seterusnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa saya yang banyak memberi kata-kata semangat untuk saya menghabiskan penulisan Projek Tahun Akhir ini. Tanpa berkat doa dari ibu bapa, keluarga, pensyarah dan orang sekeliling mustahil saya berjaya mencapai kejayaan dalam menuntut ilmu. Akhir sekali saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah bersama-sama dengan saya berjuang untuk menyiapkan tugas ini. Kami telah bekerjasama dalam membantu antara satu sama lain agar kami semua sama-sama dapat menyiapkan tugas ini pada waktu yang telah ditetapkan. Tidak dilupakan juga kepada individu-individu yang telah sedikit sebanyak membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyelesaikan kajian yang telah dilaksanakan ini.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji sejauh mana hubungan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah di sebuah sekolah daerah Muallim. Kajian ini melibatkan pelajar daripada tingkatan satu, dua, tiga dan empat sahaja yang dipilih secara rawak mudah. Jumlah pelajar yang terlibat seramai 335 orang pelajar di sekolah tersebut. Instrumen kajian yang akan dilakukan ialah set soalan soal selidik yang merangkumi dua jenis soal selidik iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A digunakan untuk mengkaji maklumat demografi yang berkaitan dengan latar belakang dan tahap masa penggunaan media sosial responden. Manakala Bahagian B pula melibatkan soalan daripada soal selidik tingkah laku agresif bagi mengukur tahap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Item-item soal selidik diukur dengan menggunakan skala likert. Data yang diperolehi akan diproses menggunakan *Statiscal Package Sosial Science* (SPSS) versi 27, untuk menilai peratusan kekerapan, purata, ujian t dan ujian korelasi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan media sosial dengan tahap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah di sebuah sekolah daerah Muallim. Reka bentuk tinjauan ini dipilih bersesuaian dengan kajian yang menggunakan sampel kajian yang banyak untuk mendapat keputusan yang lebih relevan berkenaan isu yang dikaji. Oleh itu, implikasi penting untuk menjalankan kajian ini adalah memberi peranan kepada pihak-pihak bertanggungjawab supaya mengawasi tahap penggunaan media sosial agar dapat meminimumkan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah.





ABSTRACT

This study was conducted with the aim of examining the relationship the use of social media and aggressive behaviour among secondary school students in a Muallim district school. This study involved students from grades one, two, three and four only who were randomly selected. The total number of students involved is 335 students at the school. The research instrument that will be conducted is a set of questionnaires that includes two types of questionnaires which are Part A and Part B. Part A is used to study demographic information related to the background and time level of respondents' use of social media. While Part B involves questions from the aggressive behaviour questionnaire to measure the level of social media use with aggressive behaviour among high school students. Questionnaire items are measured using a Likert scale. The data obtained will be processed using Statistical Package Social Science (SPSS) version 27, to evaluate frequency percentages, averages, t-tests and correlation tests. The results of the study found that there is a significant relationship between the level of social media use and aggressive behaviour among high school students in a Muallim district school. The design of this survey was chosen in accordance with studies that used a large sample of studies to obtain robust results regarding the issues under study. Therefore, an important implication for conducting this study is to give a role to the responsible party to monitor the level of social media use in order to minimize the aggressive behaviour of study.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iv
------------------------------------	----

PENGHARGAAN	v
--------------------	---

ABSTRAK	vi
----------------	----

ABSTRACT	vii
-----------------	-----

KANDUNGAN	viii
------------------	------

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan/Objek Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.8 Definisi Istilah	10





1.8.1 Definisi Konsep	10
1.8.1.1 Penggunaan Media Sosial	10
1.8.1.2 Tingkah Laku Agresif	12
1.8.1.3 Pelajar Sekolah Menenah	13
1.8.2 Definisi Operasional	13
1.8.2.1 Penggunaan Media Sosial	13
1.8.2.2 Tingkah Laku Agresif	14
1.9 Limitasi Kajian	14
1.10 Kepentingan Kajian	15
1.10.1 Pelajar Sekolah Menengah	16
1.10.2 Ibu Bapa	17
1.10.3 Kaunselor	17



BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	18
2.2 Pendekatan Teori	18
2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial	19
2.2.2 Teori Tingkah Laku Kognitif (REBT)	20
2.3 Kajian Literatur	21
2.3.1 Penggunaan Media Sosial	21
2.3.2 Tingkah Laku Agresif	28
2.3.3 Kjian Luar Negara	32
2.4 Rumusan	34



**BAB 3: METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Lokasi Kajian	37
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	37
	3.4.1 Populasi Kajian	37
	3.4.2 Sampel Kajian	38
3.5	Instrumen Kajian	38
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	39
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	41
3.8	Analisis Data	42
3.9	Rumusan	43

**BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	44
4.2	Analisis Dapatan Kajian	45
	4.2.1 Analisis Deskriptif	46
	4.2.1.1 Demografi	46
	4.2.1.2 Taburan Mengikut Tahap Penggunaan Media Sosial	48
	4.2.1.3 Taburan Mengikut Tahap Tingkah Laku Agresif	50
	4.2.2 Analisis Inferensi	51
4.3	Rumusan	54



**BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	55
5.2	Perbincangan Kajian	55
	5.2.1 Latar Belakang Responden	56
	5.2.2 Dapatan Deskriptif	57
	5.2.2.1 Tahap Penggunaan Media Sosial	57
	5.2.2.2 Tahap Tingkah Laku Agresif	62
	5.2.3 Perbincangan Hipotesis Kajian	66
	5.2.3.1 Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Terhadap Tahap Penggunaan Media Sosial Berdasarkan Jantina	66
	5.2.3.2 Tidak Terdapat Perbezaan yang Signifikan Terhadap Tahap Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Jantina	69
	5.2.3.3 Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Penggunaan Media Sosial dan Tingkah Laku Agresif Pelajar Sekolah Menengah	71
5.3	Implikasi	76
	5.3.1 Implikasi Teoritikal	76
	5.3.2 Implikasi Praktikal	77
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.5	Rumusan	84
	Rujukan	85





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.8 Analisis Data	43
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	46
4.2 Taburan Responden Mengikut Tingkatan	47
4.3 Taburan Responden Mengikut Tahap Penggunaan Media Sosial	48
4.4 Interpretasi Skor Min dan Tahap Penggunaan Media Sosial	49
4.5 Taburan Responden Mengikut Tahap Tingkah Laku Agresif	50
4.6 Ringkasan Keputusan Ujian-t Bagi Tahap Penggunaan Media Sosial Berdasarkan Jantina	51
4.7 Ringkasan Keputusan Ujian-t Bagi Tahap Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Jantina	52
4.8 Keputusan Analisis Korelasi di antara Penggunaan Media Sosial dengan Tingkah Laku Agresif Pelajar Sekolah Menengah	53





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI RAJAH

No. Jadual

Muka Surat

1.7 Kerangka Konseptual Kajian	10
--------------------------------	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Menurut Iszuanie Che Ilias (2020 dipetik dalam Fauziah Hassan et al., 2021), Malaysia berada dalam kedudukan antara lima teratas dalam melayari media sosial di dunia dan di Asia Tenggara dengan menunjukkan pengguna Facebook adalah seramai 24 juta orang pengguna. Seterusnya ia diikuti oleh Instagram dengan 12 juta pengguna, Twitter dengan 2.63 juta pengguna dan Snapchat dengan 1.65 juta pengguna yang mana demografi pengguna adalah sekitar umur 25 hingga 34 tahun. Berdasarkan laman web *Statista.com*, pada Januari 2021 terdapat sekitar 86 peratus penduduk Malaysia adalah pengguna media sosial yang aktif. Ini adalah peningkatan 24 peratus berbanding tahun 2016, di mana pengguna media sosial berjumlah kira-kira 62 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia. Platform media sosial yang paling popular dalam kalangan pengguna di Malaysia pada tahun 2020 adalah Facebook, Instagram, Facebook Messenger, dan LinkedIn. Menurut Muller (2021 dipetik dalam Fauziah Hassan et al., 2021), sejak dilancarkan pada tahun 2004, Facebook telah menjadi platform media sosial yang paling banyak digunakan dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia.



sehingga kadar penembusan Facebook di Malaysia akan mencapai 70 hingga 71 peratus pada tahun-tahun mendatang, laman web ini juga menunjukkan peningkatan minat kepada penggunaan Facebook yang berterusan dalam kalangan pengguna media sosial yang mana dianggarkan bahawa jumlah pengguna Facebook di Malaysia pada 2023 adalah sekitar 24 juta pengguna.

Menurut Mohd Azul Mohamad Saleh & Nurul Madiha Mohd Ilham (2017 dipetik dalam Siti Nasarah dan Abdul Rauf Haji Ridzuan, 2021). Teknologi media sosial telah merevolusikan cara orang berkomunikasi dan bersosial dalam dunia maya. Teknologi ini menyediakan aplikasi yang memudahkan pengguna dengan kepelbagaiannya fungsi seperti membenarkan pengguna berkongsi maklumat dalam bentuk teks, grafik, audio dan video. Di samping itu, ciri-ciri media sosial itu sendiri menawarkan komunikasi dua hala seperti komunikasi tatap muka dan membolehkan orang berhubung dari seluruh dunia. Namun begitu, walaupun terdapat kesan positif dari penggunaan media sosial, beberapa literatur menunjukkan bahawa terdapat juga impak negatif terutamanya jika pengguna salah menggunakanannya.

Terdapat pelbagai jenis media sosial yang terkenal seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Tik Tok telah menjadi pilihan pengguna bagi aktiviti sosial mereka. Laman-laman ini dijadikan sebagai alat komunikasi yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain seperti ruangan web peribadi, ruangan perkongsian ilmu, ruangan perbincangan forum, e-mel, ruang sembang dan butang untuk menaik gambar dan video serta perisian permainan.

Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini media sosial telah disalah gunakan oleh masyarakat untuk menyalurkan banyak maklumat tidak bermoral yang seharusnya tidak dikongsikan secara umum. Perkara-perkara yang tidak sesuai dikongsikan secara umum adalah

seperti kisah yang mempamerkan aksi-aksi yang membawa kepada unsur agresif seperti pembunuhan, perang, unsur lucu dan sebagainya yang kian menular di laman media sosial pada masa kini sehingga sukar untuk dibendung. Kisah-kisah seperti ini kebiasaan ditayangkan dalam media sosial seperti rangkaian internet, televisyen, video permainan, iklan youtube, tik tok dan media sosial lain. Tambahan pula, tarikan orang ramai terhadap media sosial sangat tinggi terhadap genre agresif berbanding genre lain yang ditawarkan dalam media sosial tanpa mengira peringkat umur maupun jantina. Konsekuensi daripada penggunaan media sosial secara terbuka ini boleh menjadi asbab kepada peningkatan tingkah laku agresif hanya dengan menyaksikan atau melayari video dan gambar yang tidak bermoral dalam setiap lapisan masyarakat bermula daripada kanak-kanak, remaja maupun dewasa.

Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1997), menjelaskan bahawa remaja banyak belajar

sesuatu melalui aspek peniruan. Oleh hal sedemikian, tingkah laku yang dipamerkan oleh pelajar pada hari ini sangat berkait rapat dengan pengalaman, perkongsian yang dilihat di media sosial serta gaya asuhan yang dibawa oleh kedua ibu bapa mereka di rumah. Tingkah laku seperti ini juga sangat berkait rapat dengan satu lagi teori sosial yang telah dipelopori oleh Bronfenbrenner (1997).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada zaman era kemodenan ini, media sosial juga boleh dijadikan punca kepada tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana media sosial merupakan satu teknologi yang digunakan untuk berkomunikasi antara satu sama lain dengan lebih mudah dan pantas. Namun kemudahan ini telah disalah gunakan oleh sejumlah masyarakat dengan berkongsi maklumat



yang ganas. Antara maklumat yang banyak dikongsikan adalah maklumat seperti memalsukan data-data penting, menonton gambar-gambar lucu, melihat aksi keganasan dan sebagainya. Menurut laman web rasmi Suruhanjaya komunikasi dan Multimedia Malaysia (2017) jumlah penggunaan keseluruhan media sosial ialah sebanyak 21.9 juta pada tahun 2016 dimana 97% mengaku memiliki akaun Facebook, 56.1% memiliki akaun Instagram dan Youtube berada di tempat ketiga dengan jumlah 45.3%. Pengaruh media sosial terhadap tingkah laku telah dibuktikan oleh banyak pengkaji.

Tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar-pelajar agresif di sekolah menengah merupakan satu masalah yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dengan institusi pendidikan dan persekolahan. Masalah ini juga perlu diselesaikan dengan teliti supaya peranan sekolah sebagai pusat perkembangan ilmu dan jati diri pelajar tidak terjejas imej serta kredibilitinya. Tambahan lagi remaja merupakan harapan negara di masa yang akan datang.

Kajian ini juga adalah berpandukan Teori Pembelajaran Sosial. Teori ini mendefinisikan tingkah laku agresif sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Perkara ini bermaksud persekitaran dan juga orang-orang yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku seseorang terutamanya remaja. Memandangkan media sosial merupakan medium yang sering digunakan oleh remaja masa kini, oleh itu remaja kini berpotensi untuk meniru aksi-aksi dan pengisian daripada apa yang dilihat di media sosial yang boleh menyebabkan mereka memiliki tingkah laku yang agresif.





Tujuan saya ingin menjalankan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tingkah laku agresif pelajar di sebuah sekolah menengah daerah Muallim dipengaruhi oleh penggunaan media sosial. Hal ini adalah kerana saya melihat ramai golongan pelajar di luar sana mempunyai tingkah laku yang agresif sama ada di dalam kawasan sekolah maupun di luar kawasan sekolah. Mereka juga ada menggunakan platform media sosial sebagai saluran untuk mereka menonjolkan tingkah laku agresif yang dimiliki mereka. Perkara ini juga membuktikan bahawa mereka sedikit pun tidak mengendahkan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan tidak menjadi kerisauan bagi mereka sekiranya dikenakan tindakan disiplin oleh pihak sekolah maupun tindakan undang-undang.

1.3 Pernyataan Masalah



Peralihan dan transisi dunia yang menganjak ke tahun 2000 telah menunjukkan fasa perubahan dalam penggunaan teknologi yang semakin meningkat. Sejak tahun 2000 sehingga kini 2020, selama 20 tahun teknologi dalam negara dilihat semakin berkembang maju dengan pesat dan drastik. Seperti yang kita sedia maklum, pada tahun 2000-2010, kebanyakan pengguna laman media sosial terdiri daripada golongan remaja sahaja. Ini kerana, penggunaan Internet masih mempunyai batasan dan limitasi. Kebanyakan remaja mengakses Internet di tempat tertentu iaitu cyber cafe dan di rumah (Nor Sheila & Mohd Shafie, 2020).

Penciptaan gajet seperti laptop, telefon pintar, tablet yang lengkapi perkhidmatan internet yang telah membuka peluang untuk pengguna mengakses Web 2.0 seperti Facebook, Twitter, Instagram, Blog, Youtube dengan lebih mudah. Dianggarkan Asia Tenggara mempunyai 644.1 milion pengguna internet dan 305.9 milion adalah pengguna aktif media





sosial (*We Are Social*, 2017). Data statistik daripada Jabatan Statistik Negara menyatakan 80.1% individu yang berumur 15 tahun dan ke atas mempunyai kemudahan internet yang peratusannya telah meningkat berbanding tahun 2015. Di mana, 86.3% adalah pengguna media sosial. Penggunaan internet domestik meningkat daripada 70.1% pada tahun 2015 kepada 85.7% pada tahun 2017 (*Department of Statistics Malaysia*, 2018). Kajian oleh *Malaysian Communications and Multimedia Commission* mendapati 83.2% adalah pengguna internet adalah kanak-kanak yang berumur 5 hingga 17 tahun. Malah, 93% pengguna internet kanak-kanak ini menggunakan telefon pintar untuk akses komunikasi teks, media sosial, mendapatkan maklumat dan menonton video (MCMC, 2017).

Satu kes keganasan yang berlaku di Seremban pada tahun 2017 merupakan salah satu bukti bahawa media sosial telah mempengaruhi keagresifan para remaja di sekolah menengah.

Pergaduhan antara pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mantin, Nilai yang disebabkan oleh perbuatan mengutuk antara satu sama lain menerusi laman sosial Facebook telah menjadi tumpuan bagi kalangan masyarakat serta warga pendidik. Menurut Ketua Polis Daerah Nilai, Superintenden Zaldino Zaludin dalam Utusan Online (2017 dipetik dalam Loh Kai Xin, 2019), dua orang remaja perempuan yang terlibat telah saling mengutuk dan memperli melalui laman media sosial Facebook sebelum berlakunya pertengkaran tersebut. Perlakuan ini telah menyebakan mereka bertemu dan bergaduh di luar kawasan sekolah.

Contoh kes yang terbaru mengenai fenomena tingkah laku agresif yang menggemparkan negara kita ialah peristiwa hitam yang melibatkan pemergian seramai 22 orang pelajar tahfiz di Asrama Pusat Tahfiz Darul Ittifaqiyah di Keramat yang terlibat dalam kebakaran terancang dan pemergian seorang penuntut Universiti Pertahanan National Malaysia (UPNM) iaitu Pegawai Kadet Zulfarhan Osman Zulkainain, 21, yang menjadi mangsa tingkah



laku agresif dan buli beramai-ramai. Fenomena ini telah membuka mata ramai pihak bahawa tingkah laku agresif dalam kalangan remaja tidak seharusnya dipandang remeh.

Seterusnya gejala buli yang berleluasa dalam media sosial juga semakin membimbangkan warga pendidik. Menurut Syafique Shuib (2014 dipetik dalam Loh Kai Xin, 2019), dalam laporan berita Astro Awani, video pergaduhan pelajar yang dikenali sebagai ‘Gadis Pailang’ yang menunjukkan seorang pelajar perempuan dibuli dengan kejam oleh sekumpulan pelajar perempuan lain telah muncul dan dikritik di media sosial. Dalam kejadian tersebut, pelakon KL Gangster Sofi Jikan telah mengakui bahawa lakonan antagonisnya hidup kerana mempunyai banyak pengalaman semasa berada di zaman sekolah dahulu. Di sini juga dapat membuktikan bahawa pengalaman dan peniruan yang dialami dalam dirinya dilakukan.



Menurut Ericson Ginsos dan Salleh Amat (2022 dipetik dalam Nor Shela Saleh dan Mohd Shafie Rosli, 2020) pula menyatakan sebahagian daripada peningkatan tingkah laku agresif adalah berkait dengan remaja yang terpengaruh dengan permainan video yang memaparkan aksi ganas. Penyelidikan menunjukkan bahawa permainan video ganas boleh menyebabkan kesan ganas kepada kanak-kanak. Sebilangan besar remaja mengakui bahawa punca ketagihan mereka berbalik kepada ibu bapa mereka yang tidak mengenakan had masa untuk bilangan jam mereka dibenarkan bermain permainan video. Permainan ini juga hakikatnya memainkan peranan penting dalam membantu, membina kecerdasan, emosi, pada kanak-kanak dan orang dewasa. Golongan ini mempunyai kemahiran untuk mencapainya dengan alternatif tertentu yang menyebabkan keganasan yang dipaparkan menjadi nyata dan menekankan kesan sebenar contohnya situasi buli terhadap semua yang terlibat. Antara aplikasi popular yang menjadi obsesi pengguna muda dan kanak-kanak adalah permainan digital di dalam peranti mudah alih (*Mobile games*).

Berdasarkan kepada beberapa dapatan kajian lepas di atas, dapatlah disimpulkan bahawa media berunsur agresif dan kesannya terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar merupakan satu masalah serius yang berlaku ketika ini. Masalah ini perlu dibendung dengan segera supaya aksi ganas dalam media sosial tidak membawa kesan yang negatif dalam diri pelajar-pelajar pada masa kini dan akan datang. Kesannya terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar di Malaysia masih kurang dijalankan.

1.4 Tujuan/Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap penggunaan media sosial yang memberi impak kepada tingkah laku agresif pelajar. Hal ini adalah kerana pengisian media sosial yang berunsur agresif lebih menjadi tumpuan pelajar sekolah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti serta menganalisis sejauh mana penggunaan media sosial memberi kesan kepada tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah.

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti tahap penggunaan media sosial pelajar sekolah menengah.
- ii. Mengenal pasti tahap tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah.
- iii. Mengukur perbezaan tahap penggunaan media sosial pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina.
- iv. Mengukur perbezaan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina.
- v. Mengenalpasti hubungan antara penggunaan media sosial dan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah.



1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- ii. Apakah tahap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap penggunaan media sosial pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina?
- v. Adakah terdapat hubungan antara penggunaan media sosial dan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah?

1.6 Hipotesis Kajian



Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis seperti berikut:

H01: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penggunaan media sosial pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina.


H02: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina.

H03: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan media sosial dan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan hubungan antara penggunaan media sosial dan tingkah laku agresif pelajar sekolah yang semakin berleluasa.



Rajah 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Definisi Konsep

1.8.1.1 Penggunaan Media Sosial

Media sosial terbina melalui tiga elemen iaitu kandungan, komuniti dan teknologi web

2.0. Media sosial merupakan sebuah kumpulan aplikasi yang membolehkan para pengguna berkongsi gambar, video, informasi dan ulasan yang boleh disiarkan di dalam web. Selain dari itu rangkaian media sosial menggunakan teknologi mudah alih dan berasaskan web mewujudkan platform yang sangat interaktif di mana individu dan komuniti berkongsi, mengusahakan, membincangkan dan mengubah suai kandungan



yang dijana pengguna. Media sosial juga adalah sebuah media online di mana para penggunanya boleh menggunakan dengan mudah berinteraksi dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial atau jaringan sosial, wiki, forum dan dunia virtual yang dibangunkan menggunakan teknologi web 2.0 (Ahlqvist et al., 2010., Kietzmann & Hermkens, 2022., Wilga Secsio Ratsja Peteri et al., 2016).

Tambahan lagi media sosial adalah salah satu contoh platform komunikasi perantaraan komputer (*Computer mediated communication - CMC*). Definisi lain media sosial ialah laman web atau aplikasi yang membolehkan pengguna membuat, berkongsi, berinteraksi dan melihat kandungan secara maya (Md. Uzir Hossain Uzir et al., 2020). Istilah lain yang lazim digunakan adalah jaringan rangkaian sosial. Jaringan rangkaian sosial telah berkembang menjadi ruang siber untuk berkongsi dan mengesahkan pelbagai pemikiran dan membentuk pengetahuan kolektif yang pelbagai (Sinha et al., 2020). Populariti laman media sosial telah mendorong sosial interaksi dan penyertaan pada skala yang belum pernah terjadi sebelumnya. Menurut Raza et al. (2020) dipetik dalam Siti Nasrah dan Abdul Rauf Haji Riduan, 2021) dengan menggunakan media sosial, pengguna mungkin semakin dekat dengan hubungan dan lingkaran sosial menjadi lebih luas sehingga dapat memenuhi kasih sayang mereka melalui rasa cinta, penerimaan, pengertian dan mengurangi kesepian. Tambahan lagi, penggunaan laman rangkaian sosial untuk berinteraksi dengan orang lain dapat memberikan kesan positif dalam kehidupan dan membawa kepada perasaan kekitaan dan mendapat sokongan sosial dari masyarakat.





Terdapat pelbagai jenis media sosial yang terkenal seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Tik Tok telah menjadi pilihan pengguna bagi aktiviti sosial mereka. Laman-laman ini dijadikan sebagai alat komunikasi yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain seperti ruangan web peribadi, ruangan perkongsian ilmu, ruangan perbincangan forum, e-mel, ruang sembang dan butang untuk menaik gambar dan video serta perisian permainan.

1.8.1.2 Tingkah Laku Agresif

Baron (1999) mendefinisikan tingkah laku agresif adalah sengaja mencederakan atau mengakibatkan bentuk kerosakan kepada orang lain. Carlson et al. (1990) telah menjelaskan bahawa tingkah laku agresif adalah satu tindakan yang dilakukan dengan niat untuk membahayakan. Berkowitz (1993), agresif merupakan segala bentuk tingkah laku yang bertujuan untuk menyakiti seseorang, baik secara fizikal ataupun mental. Manakala Scheneiders (1955) pula, menyatakan bahawa agresif sebagai luahan emosi reaksi terhadap kegagalan individu yang dizahirkan bertujuan untuk menyakitkan atau mencederakan orang atau benda secara lisan atau tidak lisan.

National Youth Violence Prevention (2002), pula menjelaskan bahawa agresif ialah satu tindakan seseorang yang berniat dan cuba mencederakan orang lain. Selain itu, Dill dan Dill (1998), tingkah laku agresif ini merupakan satu tingkah laku yang dilakukan berdasarkan pengalaman dan rangsangan suasana semasa sehingga menyebabkan seseorang itu melakukan tindakan agresif. Tingkah laku ini berlaku secara dirangsang, serta-merta atau rangsangan oleh sesuatu situasi.



Maka itu, keagresifan secara langsung ialah serangan verbal (contohnya, memaki hamun) akibat rangsangan daripada perasaan marah yang tidak dapat dikawal. Keagresifan juga dikaitkan dengan keganasan terhadap orang lain atau diri sendiri. Tindakan ini merosakkan dan pelaku menyesali sikap tersebut (Azizi et.al., 2012). Tambahan lagi Suzen (2005) pula mendefinisikan bahawa tingkah laku agresif ini ialah sebagai tingkah laku yang dilakukan dengan berbahaya atau mencederakan manusia, haiwan dan objek tidak bernyawa melalui cara fizikal atau psikologikal.

1.8.1.3 Pelajar Sekolah Menengah

Menurut Kamus Dewan (2015), pelajar ialah manusia yang sedang belajar di suatu institusi seperti di sekolah rendah dan menengah, mакtab, kolej dan universiti atau individu yang sedang menyelidik ilmu pengetahuan melalui kajian penyelidikan. Dalam konteks kajian ini, pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar sekolah menengah kerajaan yang berumur antara 13 hingga 16 tahun, iaitu pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4. Pelajar ini terdiri daripada jantina lelaki dan perempuan yang berbangsa Melayu, India, Cina dan pelajar Orang Asli.



1.8.2 Definisi Operasional

1.8.2.1 Penggunaan Media Sosial

Dalam kajian ini pengkaji akan mengukur tahap penggunaan media sosial berdasarkan tempoh jam penggunaan yang digunakan dalam sehari. Antara media sosial yang terlibat termasuklah Facebook, Wechat, Twitter, Instagram, Whatsapps, Tik Tok, Telegram dan juga Youtube dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Jenis-jenis media sosial ini ditafsirkan sebagai media sosial yang mampu berkongsi pelbagai jenis maklumat sama ada dalam bentuk teks, memuat naik atau memuat turun gambar serta video, mampu membolehkan pengguna mengadakan video secara langsung atau *live* dan boleh mencipta kumpulan sosial yang tertentu (Kietzmann & Hermkens, 2011).



1.8.2.2 Tingkah Laku Agresif

Secara operasionalnya, tingkah laku agresif yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah tingkah laku yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan kepada elemen set soal selidik *The Aggression Questionnaire* yang telah diterjemahkan oleh Abdul Malek (2004) daripada Buss dan Perry (1992) yang merangkumi kepada empat sub skala daripada model *The Aggression Questionnaire* iaitu keagresifan fizikal, verbal (lisan), kemarahan dan permusuhan. Dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji tahap tingkah laku agresif yang dimiliki oleh pelajar sekolah menengah secara keseluruhannya pada tahap yang rendah, sederhana dan tinggi sahaja.





1.9 Limitasi Kajian

Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam analisis bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan di dalam instrumen kajian sahaja. Kajian secara tinjauan dijalankan sekali sahaja dalam tempoh tertentu menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data-data kajian. Dapatan kajian ini juga sangat bergantung kepada kejujuran pelajar-pelajar yang terbabit sebagai responden dalam memberikan jawapan yang tepat dan benar kepada soal selidik yang dikemukakan. Kesahan dan kebolehpercayaan sangat bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran jawapan responden. Kajian ini membuat andaian segala perubahan tingkah laku dari segi kelangsangan dalam kalangan pelajar-pelajar agresif adalah disebabkan oleh kesan menonton kelangsangan dalam media sosial. Kajian ini juga tidak mengawal faktor-faktor luar yang boleh mempengaruhi seseorang bertingkah laku agresif



seperti suasana keluarga, sistem persekolahan dan konsep kendiri.



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

Terdapat beberapa limitasi atau batasan dalam melaksanakan kajian ini. Pertamanya ialah isu pemilihan lokasi kajian memandangkan penggunaan media sosial semakin berleluasa tanpa mengira penduduk bandar maupun luar bandar. Tabiat dan sikap suka menggunakan media sosial hampir sama kerana liputan rangkaian internet pada masa kini lebih meluas. Keduanya adalah kajian ini tidak direalisasikan secara holistik dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar. Ketiga, hasil kajian ini bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada guru-guru maupun pihak sekolah dalam mengenal pasti penggunaan media sosial dan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah terutama dalam kalangan sekolah luar bandar.



1.10 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi manfaat di samping dapat membantu pihak yang bertanggungjawab untuk membanteras isu penggunaan media sosial yang boleh memberi impak negatif kepada tingkah laku agresif pelajar khususnya kepada pelajar sebuah sekolah di daerah Muallim. Hal ini adalah kerana isu tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah lebih ketara berbanding pelajar sekolah rendah. Hal ini adalah kerana pada peringkat umur remaja iaitu lingkungan umur 12 sehingga 18 tahun lebih cenderung untuk mencuba perkara baharu seiring dengan perkembangan mereka yang ingin mencari identiti diri.

Seterusnya kajian ini diharap dapat membantu pelajar, ibu bapa, kaunselor dan pihak sekolah untuk mengatasi masalah penggunaan media sosial yang tinggi dalam kalangan pelajar dengan membentuk satu program mahupun intervensi yang bersesuaian serta memberi kesedaran kepada pelajar bahawa penggunaan media sosial yang terlalu tinggi akan membahayakan diri mereka sendiri. Selain itu, dapatan kajian ini juga diharapkan membolehkan pelajar yang memiliki penggunaan media sosial yang tinggi ini mendapat bantuan daripada pihak yang berkenaan seperti ibu bapa, guru, kaunselor, pihak sekolah dan sebagainya bagi mengatasi serta membendung masalah ketagihan media sosial dan tingkah laku agresif yang makin berleluasa.

1.10.1 Pelajar Sekolah Menengah

Kepentingan melaksanakan kajian ini kepada pelajar adalah untuk memastikan pelajar mengetahui bahawa tingkah laku yang dianggap sebagai norma dalam kehidupan itu merupakan satu tingkah laku agresif yang tidak sepatutnya ada dalam keperibadian



pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah di sekolah. Penggunaan media sosial yang terlalu tinggi juga harus dibendung sekiranya boleh memberikan impak yang negatif kepada tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah.

1.10.2 Ibu Bapa

Kesignifikan kajian ini kepada ibu bapa. Semoga kajian mengenai penggunaan media sosial dan tingkah laku agresif dapat menyedarkan ibu bapa dalam mengawasi tahap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja.

1.10.3 Kaunselor



Kesignifikan kajian ini kepada kaunselor adalah membimbing dan mendidik pelajar sekolah terutama mereka yang bergelar remaja supaya menggunakan kemudahan media sosial dengan bijak agar tidak terjebak dengan maklumat yang mempunyai unsur agresif dan memiliki tingkah laku yang agresif seperti yang dilihat di media sosial.

1.11 Rumusan

Bab ini membincangkan gambaran awal mengenai kajian yang akan dijalankan. Selain itu, ia juga memberi penambahan maklumat awal kepada pengkaji melalui pembacaan artikel- artikel dan tesis-tesis yang lepas bagi membuat pernyataan masalah dalam kajian ini. Seterusnya bab ini juga membantu pengkaji merangka perjalanan kajian dengan lebih teratur dan memudahkan pengkaji membuat perbincangan bersama penyelia kelak.

